

Bencana Cameron Highlands

bazirkan RM80 juta

- ◆ Penduduk terpaksa tanggung bencana banjir, kerosakan alam akibat perbuatan rakus peneroka botakkan kawasan hutan
- ◆ Paras air Tasik Ringlet naik mendadak iaitu tujuh kaki dalam sejam dipercayai berpunca daripada enapan dan sampah sarap

PERUNTUKAN sebanyak RM80 juta diperlukan bagi mengelakkan kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh berulang di Cameron Highlands pada masa akan datang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel berkata, peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta lagi diperlukan untuk mendalamkan Sungai Bertam di samping digunakan bagi pembangunan infrastruktur di kawasan penempatan berdekatan.

"Kerajaan sebelum ini telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk mengatasi masalah banjir di Lembah Bertam. Sekarang banjir berlaku hingga



PALANIVEL



ADNAN

ke kawasan Ringlet, maka kita akan memohon peruntukan RM40 juta lagi bagi menaik taraf kawasan terbabit," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen semalam.

Dalam kejadian banjir di Kampung Baru dan Lembah Bertam, Cameron Highlands pada pukul 6.30 petang kelmarin, sepasang suami isteri dan seorang remaja lelaki berusia 13 tahun maut.

Paras air di Tasik Ringlet meningkat secara luar biasa petang kelmarin iaitu naik tujuh kaki dalam sejam berbanding tiga kaki sejam ketika banjir lumpur melanda Lembah Bertam tahun lalu.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, Lembah Bertam dibimbangi diancam banjir memandangkan dua pertiga

daripada isi kandungan Tasik Ringlet dipenuhi enapan dan sampah sarap akibat aktiviti perladangan yang tidak terkawal sekali gus gagal menampung air yang banyak semasa musim tengkujuh.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, kejadian di Cameron Highlands kelmarin harus dijadikan iktibar supaya semua pihak menghormati alam sekitar dan tidak melakukan penerokaan tanah secara berleluasa.



KERATAN **Kosmo!** semalam.



KERATAN **Kosmo!** 3 November 2014.



KERATAN **Kosmo!** 24 Oktober 2013.

LAPORAN DI MUKA 2